



SURAT PEKELILING CIDB – BIL 1/2022
PEMAKLUMAN PENGENAAN CAJ UNTUK PROSES MEMBUKA SEKATAN
PERINTAH LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pihak sama ada individu atau majikan yang mengusahakan apa-apa kerja pembinaan hendaklah memastikan kerja pembinaan dijalankan mengikut peruntukan Akta 520 di mana peraturan, terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

2. DEFINISI

Sekatan bukanlah satu bentuk hukuman yang dikenakan ke atas pelanggaran dalam apa-apa peruntukan Akta, peraturan, syarat dan terma. Sekatan lebih bersifat suatu proses pentadbiran yang menyekat/menghalang kontraktor atau personel binaan untuk mengakses ke atas mana-mana jenis perkhidmatan yang disediakan oleh CIDB melalui *Centralized Information Management System (CIMS)* CIDB.

3. LATARBELAKANG

- 3.1 Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi CIDB (JPT) telah meluluskan cadangan untuk mengenakan suatu jumlah bayaran berupa Caj bagi proses semakan dokumen untuk membuka sekatan di dalam sistem CIMS CIDB ke atas mana-mana individu/kontraktor yang tidak mematuhi Akta, peraturan, syarat dan terma.
- 3.2 Sekatan yang boleh dikenakan terhadap individu/kontraktor melibatkan ke atas semua jenis perkhidmatan yang disediakan oleh CIDB antaranya sekatan terhadap kontraktor tidak membuat pengisytiharan personel binaan (EP2B), tidak mematuhi Notis yang dikeluarkan oleh Lembaga, Tidak mematuhi Tindakan Sivil (LOD) oleh Pejabat Undang-Undang (PUU), tidak menjelaskan bayaran levi, ketidakpatuhan syarat perakuan kontraktor dan mana-mana

program yang mempunyai proses tindakan yang dibenarkan untuk disekat seperti yang didefinisikan dalam perkara 2.0.

- 3.3 Setiap sekatan di dalam sistem CIMS CIDB telah menyebabkan peningkatan kos dari segi masa, bebanan tugas pegawai CIDB, pewujudan *task force* bagi mempercepatkan semakan, pembangunan dan penambahbaikan sistem terhadap proses kerja samada secara manual atau pendigitalan.

4. OBJEKTIF

- 4.1 Untuk memastikan individu/kontraktor sentiasa mematuhi peraturan Akta 520 dan mana-mana peraturan, terma dan syarat yang dikenakan oleh Lembaga.
- 4.2 Untuk memastikan dokumen yang diserahkan telah disemak oleh pegawai CIDB dan maklumat di dalam sistem CIMS CIDB dikemaskini.

5. PROSES SEKATAN

- 5.1 Berikut adalah proses sekatan yang akan dilaksanakan oleh CIDB.
- i. Suatu surat/notis akan dikeluarkan kepada kontraktor untuk memberikan maklumbalas atau mengkehendaki kontraktor mengisytiharkan sesuatu data atau maklumat dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh CIDB.
 - ii. Kegagalan kontraktor dalam memberi maklumbalas yang dikehendaki atau dokumen yang diserahkan tidak lengkap akan menyebabkan pendaftaran kontraktor disekat dan sistem CIMS tidak dapat diakses oleh kontraktor.
 - iii. Kontraktor perlu menjelaskan sejumlah Caj mengikut yang ditetapkan oleh CIDB bagi tujuan untuk menyemak kembali dokumen yang diserahkan.
 - iv. Pembayaran Caj tidak bermaksud sekatan akan ditarikbalik atau sekatan diangkat tetapi caj tersebut merupakan Caj Pentadbiran bagi menyemak dokumen/maklumbalas yang diserahkan oleh kontraktor.
 - v. Sekatan akan diangkat sekiranya didapati dokumen/maklumbalas yang diserahkan telah lengkap dan diterimasahkan oleh pegawai CIDB.

6. PENGENAAN CAJ

- 6.1 Pegawai CIDB perlu peruntukan masa kerja tambahan dari tugas hakiki untuk menyemak dan membuka sekatan susulan dari maklumbalas pengisytiharan semula oleh pihak kontraktor. Masa untuk menyemak setiap status pendaftaran personel binaan, kos menaiktaraf sistem bagi menyimpan rekod dan data, tindakan serta mengemaskini status semasa pendaftaran kontraktor akan meningkatkan kos dari segi beban tugas.
- 6.2 CIDB akan mengenakan kadar caj pentadbiran terhadap kontraktor yang memohon semakan semula sekatan di dalam sistem CIMS bagi membolehkan kontraktor mengakses kembali semua jenis perkhidmatan yang disediakan oleh CIDB.

Jadual 1 : Kadar Caj

NO	GRED	KADAR YURAN (RM)
1	G1 – G7	RM350.00

- 6.3 Kadar caj di atas adalah berdasarkan kepada kompleksiti memproses, menyemak dan mengesahkan dokumen-dokumen yang diakses mengikut bilangan pegawai terlibat.

7. SUMBER KUASA

- 7.1 Seksyen 34B (1) (b) Kewajipan Kontraktor (Akta 520), Syarat dan terma.
- 7.2 Seksyen 4(2) (f) Mengenakan fi atau apa-apa caj lain.

8. TARIKH KUATKUASA

Pengenaan kadar caj bagi proses membuka sekatan ini dikuatkuasakan pada tarikh **01 Jun 2022**.


9. PERTANYAAN

Sebarang kemusykilan yang timbul dari pekeliling ini hendaklah dirujuk kepada :-

Pengurus Besar
Bahagian Pematuhan
Sektor Penguatkuasaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
Tingkat 29, Menara Dato' Onn (WTC)
No 45, Jalan Tun Ismail
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-40477400 Fax : 03-40477410

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BINA SEMPURNA"



(Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid)
Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

08 APRIL 2022